

LAPORAN PEMERHATIAN

Pihak Tindak Malaysia, salah satu badan bukan kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembaharuan sistem pilihan raya, baru - baru ini mengambil bahagian dalam proses pemerhatian Pilihan Raya Negeri Melaka. Ini merupakan kali kelapan dalam sejarah Tindak Malaysia, sejak penubuhannya pada tahun 2008, pihak kami memantau dan memerhati proses pilihan raya dari penamaan calon sehingga proses pengiraan undi. Berikut adalah maklumat - maklumat ringkas mengenai proses pemerhatian dari pihak Tindak Malaysia

PASUKAN

1. Pihak Tindak Malaysia hantar 1 orang Pemerhati yang mempunyai pengalaman dalam bidang Ejen Mengundi dan Ejen Mengira (PACA) dan pernah berkhidmat sebagai Pemerhati beberapa kali
2. Kawasan pengundian dipantau (hanya memantau DUN Duyong) : Perigi Hang Tuah (Sekolah Kebangsaan Duyong), Semabok (Sekolah Kebangsaan Semabok) dan Durian Daun (Sekolah Kebangsaan Perempuan Durian Daun)
3. Kita bekerjasama dengan pihak Bersih dan Engage untuk mendapat liputan terluas untuk proses pemerhatian

CIRI PEMERHATIAN 1: BILANGAN PUSAT MENGUNDI

1. Pemerhatian **Positif**: Penambahan Pusat Mengundi di beberapa Daerah Mengundi yang mempunyai mempunyai bilangan pemilih melebihi 3850 orang. Ini selaras dengan cadangan bertulis kepada pihak SPR pada bulan Oktober 2021. Ini termasuk penambahan satu Pusat Mengundi untuk DUN Duyong

CIRI PEMERHATIAN 2: HARI PENGUNDIAN BIASA

PEMERHATIAN POSITIF

1. Tiada masalah dengan lokasi pusat mengundi biasa
2. Barung semakan daftar pemilih berada dalam keadaan terkawal dan teratur
3. Peralatan pilihan raya yang dibekalkan di Tempat Mengundi Biasa adalah mencukupi
4. Aliran pengundi adalah lancar
5. Petugas pilihan raya di Tempat Mengundi Biasa telah melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan

PEMERHATIAN NEGATIF

1. Saiz kelas digunakan untuk Saluran 1 & 2 untuk Sekolah Kebangsaan Duyong dan Saluran 3 untuk Sekolah Kebangsaan Semabok adalah kecil
2. Kedudukan tiga ejen tempat mengundi terlalu dekat dan tidak mematuhi protokol (untuk Sekolah Kebangsaan Semabok)

CIRI PEMERHATIAN 3: PROSES PENUTUPAN & PENGIRAAN UNDI BIASA (SEKOLAH KEBANGSAAN PEREMPUAN DURIAN DAUN)

PEMERHATIAN POSITIF

1. Tempat Mengundi ditutup mengikut masa yang diwartakan
2. Proses pengiraan undi dilaksanakan secara teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan
3. Proses penghantaran peti undi dan sampul-sampul pilihan raya ke Pusat Penjumlahan Rasmi Undi dikawal dan diuruskan dengan baik dan lancar oleh petugas pilihan raya

CIRI PEMERHATIAN 3: PROSES PENJUMLAHAN RASMI UNDI DAN PENGISYTIHARAN KEPUTUSAN

PEMERHATIAN POSITIF

1. Tiada isu dengan lokasi Kompleks Japerun Duyong
2. Protokol yang menyatakan hanya orang-orang yang dibenarkan oleh SPR berada di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi telah dipatuhi
3. Proses penjumlahan undi rasmi dibuat dengan baik dan teratur

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

1. Untuk saluran - saluran yang dipertimbangkan bagi saiz bilik kecil, SPR wajar mengkaji pembinaan saluran bergerak yang saiz lebih besar. Ini memberi keselesaan kepada petugas pilihan raya, Ejen Tempat Mengundi/Mengira Undi, pengundi dan Pemerhati Pilihan Raya
2. Penjarakan sosial antara Ejen Tempat Mengundi patut dipatuhi. Jika kelas digunakan sebagai saluran, perabot tambahan atau diperlukan boleh diasingkan dengan lebih baik untuk kelas tersebut

SEKIAN

DANESH PRAKASH CHACKO DAN PASUKAN PEMERHATI PRN MELAKA

PENASIHAT PEMETAAN

TINDAK MALAYSIA

016- 7960571